



**KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**KENYATAAN MEDIA**

**7 DISEMBER 2016 / 7 RABIULAWAL 1438H (RABU)**

---

**SIDANG MEDIA MENGENAI PERASMIAN  
DESA MALL KKLW @ BAZAAR IAT MAHA 2016  
OLEH YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB,  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

---

**SERDANG** - YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hari ini mengadakan satu sidang media mengenai Desa Mall KKLW @ Bazaar IAT MAHA 2016 bertempat di Malaysian Agro Exposition Park Serdang Malaysia (**MAEPS**), di sini. Dalam sidang media ini, YB Dato' Sri Ismail Sabri memaklumkan mengenai penyertaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui usahawan luar bandar dalam program MAHA 2016.

**MAKLUMAT MENGENAI DESA MALL**

- MAHA 2016 bermula pada **1 hingga 11 Disember 2016**.
- Seramai 73 orang usahawan luar bandar menyertai MAHA 2016.
- Mengumpulkan usahawan daripada semua agensi KKLW seperti MARA, FELCRA Berhad, RISDA, JAKOA, KETENGAH, KESEDAR, KEDA dan KEJORA.
- Kesemua usahawan dari pelbagai agensi dikumpulkan di bawah **Desa Mall KKLW**.
- Desa Mall KKLW turut membahagikan usahawan mengikut kluster produk makanan dan minuman, kluster kesihatan, kecantikan dan perkhidmatan serta kluster produk kraf.

### **JUMLAH USAHAWAN MENGIKUT KLUSTER**

- 53 orang usahawan bagi kluster produk makanan dan minuman.
- 16 orang usahawan untuk kluster kesihatan, kecantikan dan perkhidmatan.
- 4 orang bagi kluster produk kraf.

### **JUMLAH HASIL JUALAN USAHAWAN DI DESA MALL**

- 1 Disember 2016 (Khamis) sejumlah RM18,535.00
- 2 Disember 2016 (Jumaat) adalah sejumlah RM24,828.00
- 3 Disember 2016 (Sabtu) sejumlah RM37,910.00
- 4 Disember 2016 (Ahad) adalah sejumlah RM42,957.00
- 5 Disember 2016 (Isnin) adalah sejumlah RM35,224.00
- 6 Disember 2016 (Selasa) adalah sejumlah RM37,214.00

Jumlah Keseluruhan Hasil Jualan Bagi 6 hari di Desa Mall KKLW

- **RM196,668.00**

Jangkaan Hasil Jualan Bagi 11 Hari Di Desa Mall KKLW

- **RM350,000.00**

### **AKTIVITI-AKTIVITI TARIKAN PENGUNJUNG**

- Aktiviti-aktiviti tarikan pengunjung seperti:-
  - Demo *Manicure* dan *Pedicure*
  - Demo Membaiki Telefon
  - Demo Masakan dan pelbagai lagi aktiviti menarik.

**-TAMAT-**

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**  
**Tel: 03-8891 5940 / 017 2828301 Faks: 03-8888 2367**  
**Emel: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)**